

27 APR 1998

Abdullah-Singapura

FAKTOR M'SIA-SINGAPURA BOLEH GALAKKAN PEMULIHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Kerjasama perdagangan antara Malaysia dan Singapura yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini boleh menjadi pemangkin dalam membantu menggerakkan pemulihan ekonomi serantau, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ini kerana kedua-dua negara adalah rakan niaga yang aktif bukan sahaja di dalam Asean tetapi juga dari segi global kerana Malaysia dan Singapura merupakan antara 20 negara utama dalam perdagangan antarabangsa.

"Kerjasama kita dalam bidang perbankan dan kewangan, pelaburan dan lebih pentingnya dalam perdagangan serantau merupakan sumbangan positif kepada pemulihan ekonomi serantau," beliau dipetik sebagai berkata dalam majalah "Smart Investor" keluaran April.

Dalam rencana muka depan mengenai "Malaysia-Singapore Relations: Prosper Thy Neighbour" (Hubungan Malaysia-Singapura: Memakmurkan Jiran) majalah dwi-bulanan itu memetik Abdullah sebagai berkata perkongsian perdagangan Malaysia-Singapura dalam Asean merupakan faktor utama dalam rangka kerja perdagangan intra-Asean kini rancak dijalankan.

Abdullah menyatakan ini apabila ditanya mengenai peluang-peluang kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Singapura dalam keadaan ekonomi semasa serantau.

Katanya, beliau melihat hubungan dua hala kini lebih dinamik dan sudah pasti akan menyumbang kepada peningkatan peranan ekonomi kedua-dua negara dalam Asean dan mungkin juga di peringkat global.

Beliau berkata dalam mesyuarat dua hala mereka baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong telah menekankan bahawa falsafah hubungan Malaysia-Singapura ialah "memakmurkan jiran kita".

"Ia akan memberikan faedah kepada kedua-dua pihak," katanya dan menambah pada masa yang sama, Malaysia dan Singapura telahpun mengadakan perbincangan mengenai kemungkinan kedua-dua negara berganding bahu mengadakan pelaburan di negara-negara ketiga.

Dr Mahathir dan Goh telah mengadakan beberapa perjumpaan tahun ini. Goh juga melakukan lawatan ke Malayia pada 20 Feb dan pada 18 April lalu, kedua-dua mereka merasmikan bersama Laluan Kedua Malaysia-Singapura di Johor.

"Sesiapa yang meliaht mereka buat kali pertama pasti akan mempunyai tanggapan bahawa mereka adalah dua rakan baik".

Abdullah berkata hubungan Malaysia-Singapura adalah unik kerana kedua-dua negara berkongsi dan melalui pengalaman politik bersama, masalah ekonomi, sistem pertadbiran dan perundangan dan pengalaman pembangunan.

--BERNAMA

ES oba